

MAKLUMAT PENTING

1. Caj Kewangan

Transaksi Pendahuluan Tunai

Caj untuk transaksi tunai adalah 1.5% sebulan atau 18% setahun akan dikenakan ke atas Pendahuluan Tunai tertunggak dari tarikh tunai dikeluarkan sehingga pembayaran sepenuhnya dijelaskan. Tiada tempoh tanpa caj kewangan untuk Pendahuluan Tunai.

Transaksi Pembelian Runcit

- Tiada Caj Kewangan dikenakan selama 20 hari dari tarikh pencatatan transaksi sekiranya bayaran penuh telah dibuat ke atas Baki Semasa sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat dalam bulan terdahulu.
- Caj kewangan akan dikenakan ke atas semua transaksi baru pembelian runcit dari tarikh pencatatan sekiranya bayaran penuh tidak dijelaskan atas Baki Semasa sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat dalam bulan terdahulu berdasarkan pada kadar faedah bertingkat berikut:

Caj-caj untuk transaksi pembelian runcit

Tabiat Pembayaran Pemegang Kad	Kadar Faedah Pembelian Runcit (%) setahun
Pemegang-pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum secara tetap untuk 12 bulan berturut-turut	15%
Pemegang-pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum secara tetap untuk 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan	17%
Pemegang-pemegang Kad yang tidak termasuk di dalam kategori-kategori di atas	18%

Pindahan Baki

Faedah Pindahan Baki adalah dikira setiap hari dan dicaj ke atas baki jumlah Pindahan Baki yang diluluskan yang belum dijelaskan sehingga pembayaran penuh.

Formula yang digunakan untuk mengira caj kewangan adalah seperti berikut:

$$f = (B) \times (P/D) \times (R)$$

Di mana:

- f - adalah faedah yang dikenakan caj kewangan untuk baki B yang dikira berdasarkan tempoh hari P.
- B - adalah baki yang dikenakan caj kewangan
- P - adalah tempoh tertentu dalam kiraan hari yang dikenakan faedah, di mana baki dikenakan caj kewangan
- D - adalah bilangan hari digunakan sebagai asas untuk kadar tahunan
- R - adalah caj kewangan tahunan yang dinyatakan

2. Notis Bayaran Bulanan

Jadual berikut menunjukkan jumlah faedah (caj kewangan) dan tempoh pembayaran balik bagi senario-senario baki tertunggak yang berbeza. Pengiraan adalah berdasarkan pada caj kewangan sebanyak 18%, tanpa sebarang transaksi baru, bayaran dikreditkan pada Tarikh Bayaran Perlu Dibuat dalam tempoh 30 hari iaitu sebulan.

Contoh di bawah ialah senario jumlah baki tertunggak yang berbeza

Baki Tertunggak (RM)	RM3,000		RM5,000		RM10,000	
	Bayaran minimum (RM150)	Bayar RM250	Bayaran minimum (RM250)	Bayar RM350	Bayaran minimum (RM500)	Bayar RM600
Tempoh Pembayaran Balik (bulan)	4 tahun 8 bulan	1 tahun 3 bulan	5 tahun 10 bulan	1 tahun 6 bulan	7 tahun 5 bulan	1 tahun 9 bulan
Jumlah faedah yang dikenakan (RM)	RM 1,055	RM 333	RM 1,912	RM 670	RM 4,055	RM 1,594

Pembayaran yang diterima akan diperuntukkan untuk menyelesaikan baki (untuk butiran yang tercatat dalam penyata) mengikut kadar faedah, dalam turutan menurun, di mana butiran dengan kadar faedah paling tinggi akan dilunaskan dahulu.

3. Yuran dan Caj

- **Yuran Pendahuluan Tunai** - 5% atas jumlah yang didahulukan atau minimum RM21.20 (termasuk 6% GST) untuk Semua Kad dan 2% atas jumlah yang didahulukan atau minimum RM5.30 (termasuk 6% GST) untuk Kad Essential yang mana lebih tinggi.
- **Kad Penggantian** - RM50 dicajkan untuk setiap kad yang digantikan bagi kad rosak dan juga kad hilang / dicuri.
- **Yuran Permintaan Penyata Tambahan** - RM5.30 (termasuk 6% GST) setiap penyata bulanan.
- **Yuran Mendapatkan Semula Draft Jualan** - RM21.20 (termasuk 6% GST) setiap salinan.
- **Caj Bayaran Lewat** - Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki belum jelas pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM100.
- **Transaksi Luar Negara**
 - Transaksi dalam mata wang asing – Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa International atau MasterCard International, ditambah sehingga 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank. Kadar Tambahan 1% yang dikenakan oleh bank tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm.
 - Transaksi dalam Ringgit Malaysia – Sebarang yuran pentadbiran yang dicaj oleh Visa International atau MasterCard International.
- **Program Ganjaran HLB**
 - Yuran Pengubahan Hantaran atau Penghantaran Semula RM10.60 (termasuk 6% GST) akan dicaj untuk setiap permintaan menghantarkan produk ke alamat yang tidak sama dan menghantar ke alamat yang sama selepas percubaan penghantaran pertama gagal.

4. Penggunaan Kad untuk aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang

Kad anda tidak dibenarkan untuk digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada pertaruhan haram atau perjudian melalui internet atau sebarang perjudian. Pihak Bank berhak untuk menamatkan kad kredit anda dengan serta merta tanpa sebarang liabiliti kepada anda jika kad tersebut didapati digunakan untuk tujuan ini.

5. Ketepatan Penyata

Sila periksa penyata akaun anda dan beritahu kami sekiranya terdapat sebarang kesilapan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penerimaan penyata.

6. Kad atau Pin Hilang atau Dicuri

Hubungi 03-7626 8899 (boleh dihubungi 24 jam setiap hari) untuk membuat laporan serta merta. Jika kad anda hilang/dicuri semasa dalam perjalanan ke luar negara, sila laporkan kepada Perkhidmatan Pelancongan Visa dan MasterCard atau dapatkan bantuan daripada gabungan yang terdekat. Jika anda sudah melaporkan kehilangan/kecurian kad kepada HLB dengan seberapa segera yang semunasabahnya selepas mendapati kad anda hilang/dicuri dan anda tidak melakukan penipuan, liabiliti maksimum bagi urusniaga tanpa kebenaran adalah terhad kepada RM250. Anda dinasihatkan untuk tidak menggunakan Tarikh Lahir, Nombor Kad Pengenalan atau nombor telefon bimbit sebagai PIN atau kata laluan anda, untuk mengelakkan urusniaga tanpa kebenaran jika kad anda hilang atau dicuri.

7. Perkhidmatan Pelanggan Kad Kredit

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berhubung dengan kad anda, sila hubungi /emel kepada kami di: **Perkhidmatan Telefon Perbankan 03-76268899** (24 jam, setiap hari) Emel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my atau tulis kepada kami di: Hong Leong Bank Card Service, Customer Service Department, P.O Box 12109, 50768 Kuala Lumpur.

8. Maklumat Hubungan Pihak Bank Negara Malaysia

Untuk pertanyaan mengenai perkara berhubung dengan sektor kewangan, sila hubungi Bank Negara Malaysia: Tel: 1300-88-5465, emel bnmteletelink@bnm.gov.my atau layari www.bankinginfo.com.my.